

## **BAB 8**

### **PENILAIAN DAN KESIMPULAN**

#### **8. 1 – Penilaian dan Kesimpulan Keseluruhan Kajian**

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Perhimpunan Agung ke-48, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 4 Oktober 1993 mengatakan "Tidak silap lagi, orang menguasai media, menguasai fikiran kita dan mungkin menguasai dunia. Presiden-presiden boleh naik dan dijatuhkan oleh mereka. Mereka telah pun berbuat demikian. Negara-negara boleh disisih atau diterima, meskipun melanggar hak asasi manusia, semuanya bergantung kepada cara media mempersembahkannya"<sup>1</sup>.

Malahan, kuasa mata pena dan media dianggap sebagai kebijaksanaan yang bertapak selama beratus-ratus tahun. Rosencrantz dalam *Hamlet* menyebut 'kebanyakan mereka menggunakan pedang halus yang takutkan bulu angsa'. Menyedari hakikat itu, media sering digunakan oleh semua pihak, termasuk sesebuah kerajaan dalam usaha

---

<sup>1</sup> Zainuddin Maidin, *Mahathir Di Sebalik Tabir*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1994, him 226.

memperkuatkan sistem pentadbirannya di samping menyalurkan maklumat yang diperlukan setiap masa.

Menyedari hakikat bahawa media massa berperanan penting dalam memaparkan setiap maklumat kepada rakyat dalam sesebuah negara. Bekas Perdana Menteri itu juga pernah menyuarakan bahawa beliau mempunyai misi bagi mewujudkan peranan media yang bertanggungjawab di dalam dan luar negara.<sup>2</sup> Kenyataan itu terkeluar daripada mulutnya apabila dua wartawan Asian Wall Street Journal (AWSJ) menyebar fitnah terhadap Malaysia dan mengkritik kepimpinannya. Mahathir menuduh AWSJ bermotif jahat terhadap Malaysia dan wartawan majalah itu telah membuat laporan yang tidak berdasarkan fakta yang benar, tidak adil, berat sebelah dan bertujuan semata-mata untuk memburukkan Malaysia. Semua itu berlaku kerana beliau mengetahui peri pentingnya peranan media untuk sesebuah negara.

Pandangan Mahathir itu selaras dengan kenyataan Dennis McQuail yang menyatakan media mempunyai perhubungan yang rapat dengan masyarakat, terutama dalam sistem politik media itu wujud. Oleh itu, Malaysia sebagai negara mengamalkan demokrasi turut memberi

---

<sup>2</sup> Ibid., Mahathir Di Sebalik Tabir, hlm 225.

kebebasan kepada media massa untuk melaporkan apa yang berlaku dalam negara selaras dengan dasar negara ini yang mengamalkan prinsip memberi kebebasan bersuara.

Kebebasan bersuara sekali gus menunjukkan media massa terutama media cetak seperti akhbar mempunyai peranan besar menjalankan tanggungjawab sosial. Media massa terutama akhbar berkewajipan untuk memenuhi tanggungjawabnya kepada masyarakat dalam menjalankan fungsi komunikasi yang penting dalam masyarakat kerana Westley dan Mclean pernah menyatakan akhbar memainkan peranan penting menyampaikan mesej kepada khalayaknya dan mampu mengubah corak pemikiran pembacanya.

Berdasarkan penemuan itu, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* didapati telah menjalankan tugas mereka dengan menyiarkan lebih banyak berita positif BN dan negatif pembangkang (Lihat Bab 6 dan 7) dalam usaha mempengaruhi pengundi di Kelantan. Malahan, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* juga dilaporkan tidak memberi liputan adil kepada parti politik yang terbabit dalam pilihan raya. Ini menyebabkan rakyat tidak dapat membezakan kebaikan dan keburukan sesebuah parti sebelum membuang undi. walaupun

menerima desakan daripada pelbagai pihak berikutan keputusan yang dibuat mengikut lunas demokrasi berkenaan.

Situasi penggunaan media ini jelas kelihatan apabila isu-isu pilihan raya dieksplotasikan dengan seluas-luasnya bagi memastikan parti pembangkang mengalami kekalahan teruk dengan penyebaran maklumat yang mampu mencancang pemikiran positif rakyat kepada kerajaan BN. (Lihat Bab 4 dan 5). Sebagai contoh, peranan media massa begitu jelas dalam pilihan raya 1999 berbanding pilihan raya 1995 apabila isu Datuk Seri Anwar dipaparkan secara meluas bermula sejak pemecatan daripada UMNO dan kerajaan pada 28 September 1998.

Bagaimanapun pada 1995, BN menang dengan mudah walaupun isu seperti agama, pembangunan, perkauman dan pakatan pembangkang longgar dikenangkan untuk rakyat menilai sebelum mengundi. Isu dalam pilihan raya 1995 tidak sepanas isu 1999 apabila bekas Timbalan Perdana Menteri, orang nombor dua negara didakwa kerana meliwat dan mempunyai hubungan sulit dengan isteri Setiausaha Sulitnya, Azmin Mohamad Ali. Serentak dengan itu, isu itu dipaparkan dengan meluas dalam memastikan rakyat tidak memilih pemimpin parti pembangkang yang rosak akhlak, tetapi berlagak

sebagai pemimpin agama, bangsa dan negara. Penggunaan media massa meluas apabila buat pertama kalinya penggunaan iklan berunsur politik diperkenalkan dalam usaha yang sama dengan pemaparan isu Datuk Seri Anwar selain tidak keseimbangan liputan berita, terhadap semua parti yang bertanding dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Semua itu menunjukkan media memang digunakan secara maksimum dalam memastikan BN mampu mendapatkan sokongan 2/3 dalam Parlimen. Ternyata usaha itu membawa hasil walaupun BN mengalami tekanan apabila Kelantan kekal di bawah PAS dan parti itu menambahkan lagi sebuah negeri yang kaya dengan sumber bawah tanahnya, Terengganu pada pilihan raya umum 1999.

Penggunaan media massa juga dapat mematahkan usaha KEADILAN, DAP dan PRM di negeri-negeri yang mempunyai pengundi di kalangan rakyat pelbagai bangsa untuk menyokong mereka berbanding Kelantan dan Terengganu yang majoriti penduduk berbangsa Melayu dan beragama Islam yang terlalu sensitif tentang agama.

Bagaimanapun, fungsi media massa pada ketika tertentu terbatas apabila kajian menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian lapangan dan temubual di Kelantan mendapati peranan media massa dalam mempengaruhi pengundi dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999 di Kelantan untuk menyokong BN berkurangan sebaliknya pengundi senyap seperti yang dikemukakan dalam *Theory Spiral of Silence* menentukan kemenangan dalam pilihan raya umum itu.

Kemenangan itu juga dibantu faktor lain seperti penduduk Kelantan memang mempunyai fahaman politik yang tersendiri. Mereka menolak peranan media massa sebagai saluran komunikasi yang boleh mengubah corak hidup mereka, walaupun media mempunyai kuasa tertentu mempengaruhi tingkah laku, memberi impak sosial dan mencanai pemikiran seseorang. Pemikiran yang taksub ini menyebabkan apa sahaja yang disalurkan menerusi media massa dalam kajian ini membabitkan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dianggap sebagai bahan berat sebelah dan menimbulkan kekeliruan kepada mereka.